

PUBLIC SELECT BOND FUND
(PUBLIC DANA BON TERPILIH)
(PSBF)

PENYATAAN TANGGUNGJAWAB

Helaian Penting Produk ini telah diteliti dan diluluskan oleh pengarah-pengarah Public Mutual Berhad dan mereka secara bersama dan berasingan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas ketepatan maklumat. Setelah membuat semua pertanyaan yang munasabah, mereka mengesahkan bahawa berdasarkan pengetahuan dan kepercayaan mereka, tidak terdapat kenyataan palsu atau mengelirukan, atau ada fakta lain yang ketinggalan yang akan menjadikan sebarang kenyataan di dalam Helaian Penting Produk ini palsu atau mengelirukan.

PENYATAAN PENAFIAN

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah membenarkan penerbitan PSBF dan satu salinan Helaian Penting Produk ini telah diserahkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Kebenaran yang diberikan untuk PSBF dan penyerah simpanan Helaian Penting Produk ini, tidak harus dianggap bahawa Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengesyorkan PSBF, atau bertanggungjawab untuk ketepatan kenyataan atau pendapat atau laporan yang dinyatakan di dalam Helaian Penting Produk ini.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang ketakdedahan bagi pihak Public Mutual Berhad, yang bertanggungjawab untuk PSBF dan tidak mengambil tanggungjawab ke atas kandungan Helaian Penting Produk ini. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak mengesahkan ketepatan atau kesempurnaan Helaian Penting Produk ini, dan secara jelas menolak sebarang liabiliti yang terbit daripada atau bersandarkan kepada seluruh atau mana-mana bahagian kandungannya.

Helaian Penting Produk ini adalah terjemahan daripada versi Bahasa Inggeris. Jika terdapat sebarang perbezaan kandungan, Helaian Penting Produk versi Bahasa Inggeris dianggap muktamad.

HELAIAN PENTING PRODUK

Helaian Penting Produk (PHS) ini hanya memaparkan ciri-ciri utama dan risiko dana amanah saham ini. Pelabur adalah dinasihatkan untuk meminta, membaca dan memahami prospektus dana sebelum membuat keputusan untuk melabur.

MAKLUMAT RINGKAS PRODUK

Apakah produk ini?

Jenis produk	Dana amanah saham
Modal dilindungi atau dijamin	Tidak
Pengurus dana	Public Mutual Berhad
Pemegang amanah dana	AmanahRaya Trustees Berhad
Pengedar dana	Perunding skim amanah saham Public Mutual Berhad

CIRI-CIRI UTAMA PRODUK

Apakah yang saya melabur?

Kategori dana	Bon
Objektif dana	Untuk menyediakan pendapatan* tahunan melalui pelaburan dalam sekuriti pendapatan tetap yang mempunyai tempoh matang 7 tahun dan ke bawah serta instrumen pasaran wang. <i>Nota: * Agihan (jika ada) akan dilaburkan semula kecuali jika pemegang unit memilih agar agihan dibayar kepada mereka, tertakluk kepada terma dan syarat.</i>

PSBF

Apakah yang saya melabur? (samb')

Alokasi aset	Bon atau bentuk lain hutang disekuritikan	75% hingga 98% daripada nilai aset bersih (NAB)
	Baki NAB dana boleh dilaburkan dalam instrumen pasaran wang dan deposit. <i>Jika prospek bagi pasaran bon tidak menggalakkan, pendedahan bon atau bentuk lain hutang disekuritikan boleh dikurangkan ke paras yang lebih rendah daripada julat yang dinyatakan di atas manakala pendedahan kepada instrumen pasaran wang dan deposit boleh ditingkatkan sebagai strategi defensif sementara.</i>	
	Aset asing	Tiada
Lokasi aset	Malaysia	

KESESUAIAN PRODUK

Siapakah yang sesuai untuk dana ini?

Profil pelabur	Dana ini sesuai untuk pelabur jangka sederhana yang inginkan pendapatan* tahunan. <i>Nota:</i> <i>Jangka sederhana merujuk kepada tempoh 3 tahun hingga 5 tahun.</i> <i>*Agihan (jika ada) akan dilaburkan semula kecuali jika pemegang unit memilih agar agihan dibayar kepada mereka, tertakluk kepada terma dan syarat.</i>
----------------	---

RISIKO-RISIKO UTAMA

Apakah risiko-risiko utama yang berkaitan dengan produk ini?

Risiko kadar faedah	Risiko kadar faedah merujuk kepada kesan perubahan kadar faedah ke atas penilaian bon atau bentuk lain hutang disekuritikan. Apabila kadar faedah meningkat, harga bon atau bentuk lain hutang disekuritikan pada umumnya akan merosot dan ini akan mengurangkan nilai pasaran pelaburan dana di dalam bon atau bentuk lain hutang disekuritikan. Keadaan bertentangan akan berlaku apabila kadar faedah jatuh.
Risiko kredit	Risiko kredit berkaitan dengan kedudukan kredit penerbit sekuriti atau instrumen pasaran wang dan deposit yang bergantung kepada kemampuan penerbit untuk membuat pembayaran faedah atau prinsipal tepat pada masanya. Sekiranya penerbit sekuriti atau instrumen pasaran wang dan deposit mungkir dalam pembayaran faedah dan/atau prinsipal, nilai dana mungkin akan terjejas.
Risiko kecairan	Risiko kecairan merujuk kepada mudahnya untuk mencairkan aset bergantung kepada jumlah aset yang didagang di pasaran. Jika dana melabur dalam aset yang tidak cair atau yang sukar untuk dilupuskan, nilai dana akan mengalami kesan negatif apabila aset tersebut terpaksa dijual pada harga yang kurang memuaskan.

Anda dinasihatkan untuk membaca prospektus dana dan memahami risiko yang terlibat dan, jika perlu, berunding dengan penasihat profesional anda sebelum melabur.

YURAN & CAJ

Apakah yuran dan caj yang terlibat?

Caj jualan	Sehingga 1.0% daripada NAB seunit. <i>Pengurus boleh mengikut budi bicaranya untuk mengenakan caj jualan yang lebih rendah.</i>
Caj penebusan	Tiada

PSBF

Apakah yuran dan caj yang terlibat? (samb')

Caj tukar ganti	Ke Dana Penerima	Dana Ekuiti / Aset Campuran / Seimbang	Dana Bon	Dana Pasaran Wang
	Tukar ganti keluar/(Keluar)			
Dalam masa 90 hari:				
- Unit beban		Sehingga 0.25% *	Sehingga 0.25% *	Sehingga 0.25% *
- Unit beban separa		Sehingga 0.50% *	Sehingga 0.50% *	Sehingga 0.25% *
- Unit beban-1%		Caj jualan sehingga 4.00%	Sehingga 0.25% *	Sehingga 0.25% *
- Unit beban rendah		Caj jualan sehingga 4.75%	Caj jualan sehingga 0.75%	Sehingga 0.25% *
Selepas 90 hari:				
- Unit beban		Sehingga RM50	Sehingga RM50	Tiada
- Unit beban separa		Sehingga 0.50% *	Sehingga 0.50% *	Tiada
- Unit beban-1%		Caj jualan sehingga 4.00%	Sehingga RM50	Tiada
- Unit beban rendah		Caj jualan sehingga 4.75%	Caj jualan sehingga 0.75%	Tiada
Nota: • Unit beban ialah unit yang dikenakan caj jualan sebanyak 3% atau lebih melalui pelaburan dalam dana ekuiti/aset campuran/seimbang. • Unit beban separa ialah unit yang dikenakan caj jualan kurang daripada 3% melalui pelaburan dalam dana ekuiti/aset campuran/seimbang. • Unit beban-1% ialah unit yang dikenakan caj jualan lebih daripada 0.50% melalui pelaburan dalam dana bon. • Unit beban rendah ialah unit yang dikenakan caj jualan sebanyak 0.50% atau kurang melalui pelaburan dalam dana bon. * Tertakluk kepada minimum RM50, yang mana lebih tinggi.				
Caj pemindahan	Sehingga RM50 setiap pemindahan.			
Yuran pengurusan	0.75% setahun daripada NAB.			
Yuran pemegang amanah	0.035% setahun daripada NAB, tertakluk kepada yuran minimum sebanyak RM18,000 dan yuran maksimum sebanyak RM300,000 setahun.			

Nota: Yuran dan caj di atas mungkin tertakluk kepada sebarang cukai dan/atau duti yang dikenakan (jika ada) yang perlu dibayar oleh anda.

Terdapat yuran dan caj yang terbabit dan anda dinasihatkan mempertimbangkannya sebelum membuat pelaburan dalam dana.

PRESTASI PSBF

Pulangan Tahunan Purata bagi tempoh berikut berakhir 31 Mei 2024

	1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun	10 Tahun	Sejak Permulaan*
PSBF (%)	3.50	2.74	3.26	4.22	5.47
12-MFD (%)**	2.79	2.49	2.54	3.22	3.96

Jumlah Pulangan Tahunan bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Mei

	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021	2022	2023	2024
PSBF (%)	4.01	3.55	3.79	3.58	5.60	6.07	1.33	0.05	4.52	3.50
12-MFD (%)**	3.27	3.33	3.12	3.19	3.34	2.92	1.89	1.86	2.66	2.79

PSBF

Ulasan Prestasi Dana 1 Tahun

PSBF mencatatkan jumlah pulangan sebanyak +3.50% bagi tahun kewangan berakhir 31 Mei 2024 berbanding dengan pulangan penanda aras sebanyak +2.79% dalam tempoh yang sama.

Nota:

* Angka yang ditunjukkan adalah untuk tempoh sejak permulaan dana (12 Disember 2005).

** Penanda aras kadar deposit tetap 12 Bulan (12-MFD) dikira berdasarkan pulangan harian daripada 12-MFD yang disebut oleh Malayan Banking Berhad.

Pengiraan pulangan di atas adalah berasaskan NAB kepada NAB, dan sumbernya diperoleh daripada Lipper.

Pulangan tahunan purata dana diperoleh dengan membahagikan jumlah pulangan dana dengan bilangan tahun bawah kajian.

Tarikh permulaan ialah hari terakhir tempoh tawaran awal.

Nisbah Pusing Ganti Portfolio (PTR)

	2022	2023	2024
PTR (kali)	0.30	0.43	0.64

PTR dana meningkat daripada 0.30 kali bagi tahun kewangan berakhir 2022 kepada 0.43 kali bagi tahun kewangan berakhir 2023 dan seterusnya meningkat kepada 0.64 kali bagi tahun kewangan berakhir 2024 disebabkan tahap aktiviti pengimbangan semula yang lebih tinggi yang dilaksanakan oleh dana.

Agihan

	2022	2023	2024
Agihan kasar seunit (sen)	3.10	2.70	3.75
Agihan bersih seunit (sen)	3.10	2.70	3.75

Agihan adalah dalam bentuk tunai.

PRESTASI DANA PADA MASA LALU TIDAK MENJADI PETUNJUK UNTUK PRESTASI MASA HADAPAN.

MAKLUMAT TAMBAHAN

Penilaian

NAB dana ini dikira dan harga unit disiarkan pada setiap hari urus niaga di www.publicmutual.com.my.

Pembelian dan penebusan unit

Anda boleh membeli dan menebus unit dana pada mana-mana hari urus niaga pada NAB dana yang ditentukan seterusnya.

Pelaburan permulaan

- Pelaburan permulaan minimum*: RM1,000.
- Pelabur yang merupakan pelanggan Public Mutual Online (PMO) boleh membeli unit dana secara dalam talian.
- Sekiranya anda bukan pelanggan PMO, anda juga boleh mendaftar untuk menjadi pelanggan PMO secara dalam talian di laman web kami atau melalui kios Pintar kami yang terletak di cawangan kami atau di Pusat Perkhidmatan Pelanggan kami di Pusat Membeli-belah 1 Utama.
- Jika sebaliknya, sila hantarkan borang permohonan pelaburan yang lengkap bersama-sama dengan cek kepada mana-mana cawangan Public Bank Berhad.
- Untuk pelabur kali pertama Public Mutual Berhad, anda dikehendaki mengisi Borang Pelabur Baharu atau mendaftar secara dalam talian melalui "New Investor Online Enrolment" di PMO.

Pelaburan tambahan

- Pelaburan tambahan minimum*: RM100.
- Anda boleh melabur secara berkala melalui PMO, arahan debit terus kepada bank atau dengan membuat deposit cek ke dalam akaun kutipan yang terdapat di Public Bank Berhad.

*Nota: * Pengurus boleh mengubah jumlah minimum pelaburan permulaan dan tambahan dari semasa ke semasa.*

Pembelian dan penebusan unit (samb')



Bagaimana Anda Perlu Menulis Cek

Cek mestilah dibayar kepada:

Pelabur Individu

"Public Mutual Berhad - Nombor Kad Pengenalan Baharu Pemegang Pertama".

Pelabur Korporat

"Public Mutual Berhad - Nombor Pendaftaran Syarikat Anda".

Sila tulis nama, nombor kad pengenalan baharu/nombor pasport/nombor pendaftaran syarikat dan nombor telefon anda di belakang cek.

Hak bertenang

- Hanya untuk pelabur individu kali pertama Public Mutual Berhad.
- Permintaan anda mesti dihantar sama ada kepada Ibu Pejabat Public Mutual Berhad atau mana-mana pejabat cawangannya dalam tempoh 6 hari urus niaga dari tarikh borang permohonan pelaburan dan bayaran diterima oleh Public Mutual Berhad.
- Bayaran balik akan dibayar dalam tempoh 7 hari urus niaga dari tarikh pelaksanaan hak ini.
- Bayaran balik bagi setiap unit yang dilabur adalah jumlah harga unit (iaitu harga asal pada hari unit dibeli atau harga pasaran pada titik pelaksanaan hak bertenang, yang mana yang lebih rendah) dan caj jualan yang dikenakan (dan sebarang cukai dan/atau duti yang diguna pakai, jika ada) pada hari unit dibeli.
- Kakitangan Pengurus dan individu yang berdaftar dengan badan yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) untuk mengurus niaga dalam dana amanah saham tidak layak untuk hak bertenang ini.

Penebusan

- Unit penebusan minimum: 1,000 unit.
- Anda boleh melaksanakan permohonan penebusan anda melalui PMO atau dengan mengisi dan menyerahkan borang penebusan pada mana-mana hari urus niaga kepada pejabat cawangan Public Mutual Berhad yang terdekat atau Ibu Pejabat Public Mutual Berhad.
- Hasil penebusan anda akan dibayar dalam tempoh 7 hari urus niaga dari tarikh penerimaan permohonan anda. Jika penebusan separa menyebabkan baki di dalam akaun anda kurang daripada 1,000 unit, Pengurus boleh menebus keseluruhan akaun.

ANDA DILARANG MEMBUAT BAYARAN TUNAI UNTUK PELABURAN



PERUNDING SKIM AMANAH SAHAM DAN KAKITANGAN PUBLIC MUTUAL BERHAD TIDAK DIBENARKAN MENERIMA PELABURAN DALAM BENTUK TUNAI DALAM APA JUA KEADAAN.

Public Mutual Berhad tidak akan bertanggungjawab ke atas kerugian yang ditanggung sekiranya anda memberi wang tunai kepada perunding skim amanah saham atau kakitangan kami.



ANDA DILARANG MEMBUAT BAYARAN TUNAI KEPADA PERUNDING SKIM AMANAH SAHAM ATAU KAKITANGAN PUBLIC MUTUAL BERHAD.

ANDA DILARANG MEMBUAT DEPOSIT ATAU PINDAHAN KE AKAUN BANK PERUNDING SKIM AMANAH SAHAM ATAU KAKITANGAN PUBLIC MUTUAL BERHAD.



ANDA DILARANG MENGELUARKAN CEK DI ATAS NAMA PERUNDING SKIM AMANAH SAHAM ATAU KAKITANGAN PUBLIC MUTUAL BERHAD.

APA YANG ANDA PERLU TAHU

Dana ini bukan dana jaminan modal atau lindungan modal.

Harga unit dan agihan boleh bayar, jika ada, mungkin turun atau naik.

Prestasi dana pada masa lalu tidak menjadi petunjuk untuk prestasi masa hadapan.

Apabila pecahan unit atau agihan diisytiharkan, berikutan terbitan pecahan unit dan/atau agihan, NAB seunit akan berkurangan dengan sewajarnya bagi mencerminkan/mengambil kira pecahan unit dan/atau agihan tersebut.

Apabila pecahan unit diisytiharkan, nilai pelaburan dalam sebutan Ringgit Malaysia tidak akan berubah selepas pengagihan unit tambahan.

MAKLUMAT HUBUNGAN

Siapakah yang perlu saya hubungi untuk maklumat lanjut mengenai dana?

Untuk maklumat berkaitan dana, anda boleh berunding/menghubungi:

- Perunding skim amanah saham yang berdaftar dengan Federation of Investment Managers Malaysia (FIMM);
- Talian Perkhidmatan Pelanggan Public Mutual Berhad di 03-2022 5000; atau
- E-mel kami di customer@publicmutual.com.my.

Siapakah yang perlu saya hubungi untuk membuat aduan?

1. Bagi penyelesaian pertikaian dalaman, anda boleh menghubungi Talian Perkhidmatan Pelanggan kami di 03-2022 5000.
2. Jika anda tidak berpuas hati dengan keputusan proses penyelesaian pertikaian dalaman, sila rujuk pertikaian anda kepada Securities Industry Dispute Resolution Center (SIDREC):

(a) melalui telefon kepada	: 03-2282 2280
(b) melalui faks kepada	: 03-2282 3855
(c) melalui e-mel kepada	: info@sidrec.com.my
(d) melalui surat kepada	: Securities Industry Dispute Resolution Center (SIDREC) Unit A-9-1, Level 9, Tower A Menara UOA Bangsar No. 5, Jalan Bangsar Utama 1 59000 Kuala Lumpur
3. Anda juga boleh membuat aduan terus kepada SC walaupun anda telah memulakan proses penyelesaian pertikaian dengan SIDREC. Untuk membuat aduan, sila hubungi Pejabat Pengguna & Pelabur SC:

(a) melalui telefon kepada Aduan Hotline di	: 03-6204 8999
(b) melalui faks kepada	: 03-6204 8991
(c) melalui e-mel kepada	: aduan@seccom.com.my
(d) melalui borang aduan dalam talian yang tersedia di	: www.sc.com.my
(e) melalui surat kepada	: Pejabat Pengguna & Pelabur Suruhanjaya Sekuriti Malaysia No. 3, Persiaran Bukit Kiara Bukit Kiara 50490 Kuala Lumpur
4. Biro Aduan FIMM:

(a) melalui telefon kepada	: 03-7890 4242
(b) melalui e-mel kepada	: complaints@fimm.com.my
(c) melalui borang aduan dalam talian yang tersedia di	: www.fimm.com.my
(d) melalui surat kepada	: Legal & Regulatory Affairs Federation of Investment Managers Malaysia 19-06-01, 6 th Floor Wisma Tune No. 19 Lorong Dungun Damansara Heights 50490 Kuala Lumpur

PHS ini akan dikemaskini pada 29 Ogos 2025. Anda boleh merujuk kepada laman web kami di www.publicmutual.com.my untuk PHS yang telah dikemaskini.